**LAMPIRAN B**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEKERJA AWAM KHAS**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | SOKONGAN |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JANUARI 2008 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Gred R3** | : | P1T1 | RM701.42 | - | P1T17 | RM1354.86 |
| | | P2T1 | RM743.89 | - | P2T17 | RM1423.41 |
| | | P3T1 | RM787.99 | - | P3T17 | RM1493.59 |
| **Gred R6** | : | P1T1 | RM868.04 | - | P1T15 | RM1439.80 |
| | | P2T1 | RM954.61 | - | P2T15 | RM1572.01 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan

(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R3: P1T2);

dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam dalam bidang berkaitan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pekerja Awam Khas Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti di perenggan 1(c) (ii) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pekerja Awam Khas Gred R3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

| | | |
|---|---|---|
| **LATIHAN** | 5. | Pekerja Awam Khas boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| **KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN** | 6. | Pekerja Awam Khas Gred R3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** | 7. | Pekerja Awam Khas Gred R3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-<br><br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br><br>(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan<br><br>(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** | 8. | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN** | 9. | Pekerja Awam Khas hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED R6** | 10. | Pekerja Awam Khas Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pekerja Awam Khas Gred R6 yang kosong apabila telah:-<br><br>(a) disahkan dalam perkhidmatan;<br><br>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br><br>(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan<br><br>(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN OPERATOR LOJI, PEMANDU ENJIN (KBB)** | 11. | Pekerja Awam Khas yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji atau Pemandu Enjin (KBB) yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. |

**Nota**: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].